



Sempadan Gombak-Hulu Langat Geopark

Sempadan kawasan Gombak - Hulu Langat Geopark meliputi Daerah Gombak dan sebahagian Daerah Hulu Langat yang berkeluasan **112,955 hektar**.

Pentadbiran Daerah Gombak berpusat di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan meliputi dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Manakala pentadbiran Daerah Hulu Langat pula berpusat di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Kajang.



Takrifan Geopark

“Geopark adalah satu kawasan dengan keluasan bersesuaian, mempunyai sempadan yang jelas dan mengandungi beberapa tapak warisan geologi yang dikenali sebagai geotapak berkepentingan kebangsaan, serantau atau antarabangsa yang dibangunkan secara lestari bagi meningkatkan apresiasi, tahap ekonomi dan nilai budaya penduduknya terhadap warisan geologi tersebut, terutamanya melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti berteraskan pelancongan.

Geopark perlu mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, geologi, sejarah dan budaya, dan memastikan hubungan di antara unsur-unsur tersebut diperkukuhkan melalui pengurusan dan kawal selia secara mampan dan menyeluruh.”

- UNESCO Global Geopark, 2015 -
Sumber: <https://en.unesco.org/global-geoparks>

Pengiktirafan status geopark boleh melonjakkan kawasan daerah dan negeri Selangor di persada nasional dan global.

Aktiviti geopelancongan berpotensi menjana sumber ekonomi baharu bagi penduduk tempatan.

Menarik pelaburan baharu dalam kawasan geotapak.

Mempromosikan pembangunan mampan dalam PBT serta mencapai keselarasan dengan Agenda Perbandaran Baharu dan Matlamat Pembangunan Mampan.

Mempertingkatkan usaha dan matlamat negeri atau PBT dalam pemeliharaan alam semulajadi.

Keterlibatan penduduk setempat sebagai penggerak (kaedah 'bottom-up') mempertingkatkan inklusiviti komuniti.

Manfaat Geopark



**GOMBAK - HULU LANGAT
GEO PARK**


Senarai Geotapak, Biotapak Dan Tapak Warisan & Budaya

| GEOTAPAK | DAERAH | PBT | |
|----------|---|-------------|------------|
| G1 | Syis Dinding AU3 | Gombak | MPS |
| G2 | Syis Hawthorndern Jalan Raya Rawang Bestari Jaya (JRBJ) | Gombak | MPS |
| G3 | Syis Jelebu Bukit Arang | Hulu Langat | MPKj |
| G4 | Batu Kapur Kuala Lumpur Bt. Takun | Gombak | MPS |
| G5 | Formasi Kenny Hills Sientex | Gombak | MPS |
| G6 | Syis Selut Karak | Gombak | MPS |
| G7 | Endapan Batu Arang | Gombak | MPS |
| G8 | Lapisan Alluvium Tua | Gombak | MPS |
| G9 | Fosil Pleistosen Akhir Bt. Caves | Gombak | MPS |
| G10 | Kompleks Volkano Sempah | Gombak | MPS |
| G11 | Olistostrom Terich Genting Sempah | Gombak | MPS |
| G12 | Konglomerat Sempah Karak | Gombak | MPS |
| G13 | Rijang Gombak Karak Highway | Gombak | MPS |
| G14 | Ketakselarasan Batu Arang | Gombak | MPS |
| G15 | Ketakselarasan JRBJ | Gombak | MPS |
| G16 | Kompleks Mata Air Panas Dusun Tua | Hulu Langat | MPKj |
| G17 | Mata Air Panas Sungai Lalang | Hulu Langat | MPKj |
| G18 | Mata Air Panas Selayang | Gombak | MPS |
| G19 | Granit Kuala Lumpur | Gombak | MPS |
| G20 | Mikrogranit Genting Sempah | Hulu Langat | MPKj |
| G21 | Granit Semenyih Jln Empangan | Hulu Langat | MPKj |
| G22 | Porfirit Hulu Langat Sungai Gabai | Hulu Langat | MPKj |
| G23 | Permatang Kuarza Gombak | Gombak | MPAJ & MPS |
| G24 | Permatang Kuarza Tekali | Hulu Langat | MPKj |
| G25 | Puncak Granit Gunung Nuang | Hulu Langat | MPKj |
| G26 | Air Terjun Sungai Kanching | Gombak | MPS |
| G27 | Air Terjun Sungai Tekala | Hulu Langat | MPKj |
| G28 | Gua Batu Caves | Gombak | MPS |
| G29 | Bekas Lombong Tasik Biru, Kundang | Gombak | MPS |
| G30 | Bekas Lombong Batu Arang | Gombak | MPS |
| G31 | Telaga Air Panas Artesian, Kampung Jawa | Hulu Langat | MPKj |

Nota:
 20 Geotapak yang akan dipromosikan

| BIOTAPAK | DAERAH | PBT | |
|----------|--|-------------|------|
| B1 | Habitat Gua Batu Kapur, Batu Caves | Gombak | MPS |
| B2 | Hutan Granit, Ulu Gombak | Gombak | MPS |
| B3 | Habitat Kambing Gurun, Permatang Kuarza Gombak | Gombak | MPS |
| B4 | Habitat Mogot, Bukit Takun & Bukit Anak Takun | Gombak | MPS |
| B5 | Hutan Sekunder FRIM, Kepong | Gombak | MPS |
| B6 | Habitat Palma Endemik, Hutan Lipur Sungai Tekala | Hulu Langat | MPKj |

| TAPAK BUDAYA & WARISAN | DAERAH | PBT | |
|------------------------|--|-------------|------|
| W1 | Muzium Orang Asli, Gombak | Gombak | MPS |
| W2 | Kuil Sri Mahamariamman, Batu Caves | Gombak | MPS |
| W3 | Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) | Gombak | MPS |
| W4 | Masjid Raja Alang, Pekan Beranang | Hulu Langat | MPKj |
| W5 | Kg. Melayu Batu Arang (1911) | Gombak | MPS |
| W6 | Kg. Simpang Tiga (1800) | Gombak | MPS |
| W7 | Kg. Kuala Pangsun (1915) | Hulu Langat | MPS |
| W8 | Kg. Batu 21, Sg. Lui (1900) | Hulu Langat | MPKj |
| W9 | Kg. Batu 13, Hulu Langat (1800) | Hulu Langat | MPKj |
| W10 | Kg. Dusun Tua (Kuih Jongkong) | Hulu Langat | MPKj |
| W11 | Seni Silat Sendeng & Tarian Kolattam di Batu Caves | Gombak | MPS |



GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK : Lokasi Geotapak, Biotapak, dan Tapak Budaya & Warisan Terpilih

PETUNJUK

- Geotapak
- Biotapak
- Tapak Budaya & Warisan
- Sempadan Geopark
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Lebuhraya/ Jalan Raya
- Jalan Utama
- Rel KTM
- Hutan
- Badan Air

TANPA SKALA

Sumber Foto :
 © Iktisads Planners Sdn Bhd
 © PLANMalaysia@Selangor
 © British Cave Research Association (2014)